

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MALAM KEBUDAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2017
PADA HARI SABTU, 25 MAC 2017, PUKUL 8:00 MALAM
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Yang Hormat Dato' Sri Foo Yong Hing,

Pengerusi Persatuan Kwang Tung Kuantan;

Rakan-rakan saya dari UMP,

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dr. Yusserie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Ab Hamid Majid,
Pendaftar;

Saudara Muhammad Nasrullah Mohd Azuan,
Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Saudara Joshua Mok Chuang Yong,
Pengerusi Program Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2017;

Warga mahasiswa, tuan-tuan dan puan-puan;

Para tetamu yang dikasihi;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukaulah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka saya dapat hadir bersama saudara dan saudari sekalian dalam Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2017 peringkat Universiti Malaysia Pahang.
2. Kita bersyukur kerana nikmat kemerdekaan yang hampir 60 tahun dikecapi ini membolehkan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum hidup bersama dengan aman damai, bersendikan semangat perpaduan yang tulen.
3. Justeru, sambutan Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2017 ini mencerminkan penerimaan kita terhadap kepelbagaian resam dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di negara ini. Inilah nilai murni yang dihasratkan melalui gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh pucuk pimpinan negara kita.

4. Maka pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Kebudayaan Cina UMP selaku penganjur yang telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan perasmian acara pada malam ini.

5. Saya turut berbesar hati menerima kedatangan para tetamu jemputan yang mewakili pelbagai pertubuhan dan badan bukan kerajaan serta pemimpin masyarakat Cina setempat bagi memeriahkan lagi sambutan ini.

KESATUAN DALAM KEPELBAGAIAN

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia merupakan satu keunikan yang jarang terdapat di negara-negara lain. Keunikan inilah yang menarik minat para pelancong untuk berkunjung ke negara ini bagi menyaksikan kepelbagaian warisan etnik yang menjadi kebanggaan kita.

7. Berlandaskan semangat perpaduan dan persefahaman yang tinggi, sambutan perayaan etnik di negara ini telah diangkat sebagai acara nasional untuk diraikan oleh rakyat dari pelbagai lapisan. Walaupun Tahun Baharu Cina dirayakan oleh komuniti Cina, namun kemeriahannya turut dikongsi bersama oleh kaum-kaum yang lain.

8. Keharmonian ini bukanlah datang begitu sahaja. Para pejuang kemerdekaan tanah air dan para pemimpin terdahulu telah berusaha dengan gigih bagi meletakkan asas perpaduan pelbagai kaum bagi memenuhi syarat untuk memerdekakan negara kita dari penjajah British.
9. Hakikat sejarah tersebut perlu disedari dan diinsafi dengan penuh mendalam oleh generasi muda Malaysia pada hari ini. Jalan yang penuh liku dan ranjau telah dirintis oleh generasi terdahulu untuk membolehkan nikmat keamanan kekal terpelihara hingga ke hari ini.
10. Maka generasi muda pada hari ini perlu menyoal diri mereka, apakah sumbangan dan peranan yang boleh mereka curahkan bagi mempertahankan keharmonian hubungan antara kaum di negara kita ini? Hal ini adalah amat penting untuk difikir-fikirkan kerana kita kini berada pada zaman yang amat mencabar, dalam konteks kestabilan ekonomi, sosial dan politik.

11. Dalam hubungan ini, para mahasiswa yang berada di kampus mempunyai kewajiban untuk menyuburkan perpaduan dan silaturrahim antara kaum dalam erti kata yang sebenarnya melalui gerak kerja yang dijalankan. Gagasan 1Malaysia yang mendasari pentadbiran Malaysia pada hari ini merupakan rujukan yang amat berguna kepada kita untuk belajar menghargai kepelbagaian yang ada sebagai landasan pemeraksanaan bangsa Malaysia.
12. Justeru, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh para mahasiswa perlulah bersifat holistik penyertaannya, menggabungkan mahasiswa daripada pelbagai kaum dan agama, tanpa sebarang prejudis mahupun prasangka. Hanya melalui cara tersebut, maka universiti akan disegani sebagai model perpaduan yang unggul untuk diteladani oleh masyarakat di luar sana.
13. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan Universiti ini sentiasa mengalu-alukan dan memberi sokongan padu kepada sebarang usaha murni daripada para mahasiswa untuk mengelolakan aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah dan berimpak tinggi kepada penyuburan semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat.

KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

14. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada jawatankuasa penganjur yang telah berusaha dengan gigih bagi menjayakan pelaksanaan acara pada malam ini.

15. Saya turut ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada para jemputan khas dan masyarakat setempat yang sudi hadir bagi memeriahkan sambutan pada malam ini.

16. Kepada rakan-rakan kita yang berbangsa Cina, saya berharap Tahun Ayam yang disambut ini mewarnai kesejahteraan dan kemakmuran bersama, sekaligus membolehkan kita untuk terus hidup dalam suasana aman dan tenteram, saling hormat menghormati dan faham memahami antara satu sama lain.

17. Maka dengan harapan tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan sambutan Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2017 peringkat Universiti Malaysia Pahang pada malam ini.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.